

CUEPACS yakin selesai di meja rundingan



MUKADIMAH

WALAUPUN baru menerima kenaikan gaji kakitangan awam sehingga 35 peratus pertengahan tahun lalu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tetap mahu memboikot dua sambutan Hari Pekerja pada bulan Mei depan.

Alasan kesatuan sekerja yang mewakili 1.2 juta kakitangan awam berbuat demikian ialah kerajaan tidak menunaikan lima tuntutan iaitu bayaran honorarium 2007 sebanyak RM2,000, kadar pencen mengikut perkhidmatan sebenar, pelanjutan umur persaraan dan pemansuhan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), elaun kritikal dan Imbuan Tetap Perumahan (ITP).

Cadangan memboikot dua sambutan Hari Pekerja yang mendapat sokongan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) itu segera dijawab oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu CUEPACS membatalkan hasrat itu dan menyelesaikan masalah menerusi meja rundingan.

Dalam wawancara bersama wartawan *Mingguan Malaysia*, **AMRAN AHMAD** dan **S. ANAND KUMAR** bersama jurugambar, **IZHAM JAAFAR** di di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang baru-baru ini, Presiden CUEPACS, Omar Osman berkata, tindakan boikot itu akan dibatalkan sekiranya pertemuan pihaknya dengan Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya esok memberi hasil positif.

"CUEPACS berpegang kepada nasihat ahli-ahli agar tidak berkonfrontasi dengan kerajaan sebaliknya mahu menyelesaikan perkara ini di meja rundingan dan yakin perkara ini mampu di selesaikan dengan campur tangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pernah menjadi kakitangan awam," katanya.

Omar turut menjawab pelbagai tuduhan kononnya CUEPACS menjadi punca kenaikan harga barang dan menafikan cakap-cakap mengenai CUEPACS dilihat cuba meraih kesempatan di atas suasana politik semasa.

OMAR OSMAN, Presiden CUEPACS

MINGGUAN: Ada pihak melihat tindakan CUEPACS ini seolah-olah mahu mengugut kerajaan?

OMAR: Kita tidak setuju sama kali jika ada pihak yang mendakwa CUEPACS mengugut atau mendesak kerajaan. Sebagai contoh, sekiranya kita membuat keputusan dan mengajak ahli-ahli kesatuan supaya piket sekiranya lima tuntutan kesatuan tidak ditunaikan maka adalah wajar untuk orang ramai mengkritik atau marah dengan CUEPACS.

Mereka perlu faham kita bukannya melancarkan piket malah hanya mahu boikot dua program yang diadakan sempena Hari Pekerja. Buat apa kita mahu piket sedangkan kita tahu kerajaan tidak pernah menutup pintu rundingan kepada CUEPACS untuk terus berbincang masalah-masalah berkaitan kaum pekerja dengan pihak yang terbabit.

Adakah boikot juga boleh dianggap sebagai satu tindakan perusahaan?

OMAR: Tidak, tindakan boikot bukan bermakna CUEPACS mahu mengadakan piket sebaliknya kita hanya memulaukan dua aktiviti yang dianjurkan kerajaan bagi menghargai sumbangan pekerja.

Kami memulaukan kedua-dua aktiviti ini kerana CUEPACS tidak puas hati dengan kebanyakan jawapan yang diberikan kerajaan berhubung lima tuntutan CUEPACS itu.

Selalunya Perdana Menteri akan menghadiri Hari Pekerja peringkat kebangsaan. Jika CUEPACS boikot, maka dilihat sebagai tidak menghormati Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

OMAR: CUEPACS sentiasa menyanjung tinggi kepimpinan Perdana Menteri kerana beliau merupakan pemimpin pertama yang meluluskan sermaan gaji yang tinggi tahun lalu setelah tertangguh selama 15 tahun. CUEPACS tidak marah dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badaw dan kita cuma kecewa kerana lima tuntutan kesatuan ini masih tidak mendapat sebarang keputusan daripada pihak kerajaan.

Mesej yang cuba disampaikan oleh CUEPACS menerusi tindakan boikot ini ialah kami mahu kerajaan memahami masalah pekerja terutama yang berkait-rapat dengan kelemahan yang ada dalam sistem penyampaian di peringkat kerajaan.

Maknanya CUEPACS mahu Perdana Menteri campur tangan dalam hal ini?

OMAR: Sekiranya jabatan kerajaan yang dipertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini tidak boleh menyelesaikannya, maka kita merasakan Perdana Menteri wajar berbuat demikian. Jawapan yang sering diterima CUEPACS ialah tuntutan kesatuan masih dalam peringkat kajian. Akhirnya tiada apa-apa jawapan atau keputusan dibuat.

Kami boleh beritahu ahli-ahli CUEPACS bahawa kelima-lima perkara ini masih dalam kajian tetapi sekiranya alasan yang sama diberikan kepada mereka setiap kali perjumpaan, akhirnya ahli-ahli hilang kepercayaan terhadap kepimpinan kesatuan.

Apakah CUEPACS melihat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu bertanggungjawab dalam perkara ini?

OMAR: CUEPACS tidak mahu menuding jari atau menyalahkan mana-mana pihak kerana pihak kesatuan hanya mahu masalah berhubung kebajikan pekerja diselesaikan segera oleh kerajaan. Kongres

Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) turut menyokong tindakan CUEPACS untuk memboikot dua sambutan Hari Pekerja pada bulan Mei ini.

Andai kata selepas CUEPACS memboikot dua sambutan Hari Pekerja pada Mei ini dan masih tiada keputusan daripada kerajaan. Apakah tindakan CUEPACS seterusnya?

OMAR: Kita sudah menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri untuk berjumpa dengan beliau bagi membincangkan perkara ini. Selain itu, pada 14 April, CUEPACS akan berjumpa Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam dan isu lima tuntutan ini akan dibincang bersama beliau.

CUEPACS amat berharap dapat menemui Perdana Menteri sebelum mesyuarat tertinggi CUEPACS pada 18 April ini. Pada mesyuarat itu nanti, kita akan berbincang mengenai pendirian CUEPACS berhubung masalah ini. Semua keputusan mengenai tindakan CUEPACS selepas itu bergantung kepada suara dan simpulan perbahasan 120 ahli majlis kongres pada 18 April ini.

Saya tidak merasakan tindakan perusahaan berbentuk piket akan diadakan kerana kongres terdiri daripada ramai pemimpin kesatuan sekerja yang muda dan banyak idea. Lagipun, segala faedah yang dinikmati oleh kakitangan setakat ini pun diraih menerusi rundingan dan perbincangan.

Kenapa CUEPACS rasa lima tuntutan itu mampu dipenuhi oleh kerajaan?

OMAR: Dalam lima tuntutan itu, salah satu daripadanya ialah elaun kritikal yang telah diberikan dahulu, namun ditarik balik tanpa sebarang per-

bincangan menyebabkan ahli-ahli terpinga-pinga dan marah. Selain itu, tuntutan elaun perumahan belum mencapai sebarang penyelesaian.

Mengenai tuntutan bayaran honorarium tahun 2007 sebanyak RM2,000 kepada 1.2 juta kakitangan, CUEPACS minta sejajar dengan penarafan sektor awam yang bertambah baik dan taat setia yang ditunjukkan oleh kakitangan awam kepada kerajaan walaupun tiada kenaikan gaji dalam masa 15 tahun.

Ahli-ahli CUEPACS tidak pernah memberontak atau mahu mengambil tindakan perusahaan, cuma mahukan sedikit penghargaan atas paras produktiviti dan taat setia dan suntikan semangat baru.

Permintaan ini juga sejajar dengan kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang lain. Secara realistik, CUEPACS tidak sama sekali mendesak kerajaan agar memenuhi 100 peratus tuntutan berkenaan, cukuplah jika dapat memenuhi dua atau tiga tuntutan agar memberi keceriaan dan kebanggaan menjadi anggota kakitangan awam.

Jika kerajaan hanya bersetuju untuk memenuhi dua tuntutan sahaja, faedah mana yang akan menjadi pilihan CUEPACS?

OMAR: Bagi CUEPACS, tuntutan yang paling diharapkan oleh kakitangan awam ialah honorarium sebanyak RM2,000 seorang yang dirasakan boleh membantu meringankan beban kewangan keluarga terutama mereka yang mempunyai anak ramai dan masih bersekolah. Menurut kajian, beban kewangan yang ditanggung ini menyebabkan ramai ahli CUEPACS tidak mampu untuk menyimpan bagi masa hadapan atau kecemasan.

Bila kerajaan beri kenaikan gaji, ada yang mendakwa CUEPACS menjadi punca kenaikan harga barang ekoran kenaikan gaji.

OMAR: Tuduhan-tuduhan liar itu tidak berasas kerana ketika CUEPACS tidak membuat tuntutan kenaikan gaji sekali pun, harga barang tetap naik dan sentiasa berubah-ubah mengikut kehendak peniaga dan bukannya pasaran. Tuduhan itu hanya dijadikan alasan oleh pihak-pihak tertentu kerana secara realitinya, ramai kakitangan swasta yang mendapat bonus dan kenaikan gaji secara berlipat-kali ganda tidak dikatakan punca kenaikan harga barang.

Umum mengetahui tekanan yang dialami oleh Perdana Menteri pada masa ini, adakah CUEPACS cuba meraih kesempatan dari situasi ini?

OMAR: CUEPACS tidak merancang boikot ini, kami tidak berniat meraih kesempatan atas apa-apa keadaan dan ini terbukti sejak dahulu lagi kerana majlis kongres sentiasa senada dalam semua tuntutan yang dibuat sejak dahulu. Bezanya sekarang ialah dahulu, CUEPACS tidak mengumumkan tuntutan yang dibuat menerusi media kerana banyak penyelesaian berjaya dicapai dengan cepat.

Sekarang pun CUEPACS bukan mendesak, cuma menyuarakan isi hati kakitangan awam terutama berjawatan rendah. Suara hati pekerja ini sangat penting untuk diberikan perhatian oleh kerajaan bagi mengelakkan semangat, mutu kerja dan produktiviti mereka terjejas. Ahli-ahli CUEPACS juga selalu mengingatkan barisan pemimpin kesatuan agar tidak berkonfrantasi dengan kerajaan kerana rundingan terbuka menjadi instrumen paling berguna untuk meningkatkan faedah kakitangan.